

Dendam Memali

MUHAMMAD AMMAR MUBASYIR ABD HADI

BALING - Detik-detik kematian Ibrahim Mahmud atau dikenali sebagai Ustaz Ibrahim Libya akibat ditembak sukar dilupakan isterinya, Solehah Husain, 64.

Menurut Solehah, hingga kini kejadian malang menimpa suaminya itu sukar dilupakan.

"Suaranya menanggung kesakitan akibat ditembak masih terngiang-ngiang di telinga saya.

"Kehilangannya satu kerugian besar kepada ummah, adakah Tun Dr Mahathir Mohamad dan Umno lupa akan peristiwa ini?," katanya.

Solehah berkata, peristiwa itu seolah-olah baru sahaja tercetus, sekalipun sudah lebih 30 tahun berlalu.

Menurutnya, sebagai isteri, dia

sedih dan kecewa apabila ada pihak melemparkan tuduhan arwah sebagai pengamal ajaran sesat.

"Walaupun kejadian ini dah 30 tahun berlalu, tetapi peristiwa tersebut masih segar dalam ingatan kami para balu.

"Hati saya sebagai isteri juga cukup terkilang dengan tuduhan yang menuduh arwah seorang penjenayah dan mengamalkan ajaran sesat," katanya.

Menurutnya, mangsa dan waris menuntut keadilan terhadap insiden berkenaan.

"Mahathir dan Umno tahu siapa perancang utama peristiwa ini. Dia pemimpin waktu itu. Kenapa mari ke Memali dengan keganasan?," katanya.

Sementara itu, seorang mangsa, Zaman Mahmud, 65, berkata,

Mahathir perlu membersihkan namanya selepas mengarahkan serangan ke atas penduduk.

"Mahathir dan pimpinan Umno terlibat secara langsung dengan peristiwa Memali, di tangan Mahathir dan parti lamanya masih ada darah mangsa Memali.

"Saya mohon beliau (Mahathir) dan kerajaan memerintah mohon maaf atas penganiayaan kepada semua mangsa," dakwanya.

Sukar lupa tragedi

Isteri kepada salah seorang mangsa, Siti Mariam Omar, 61, berkata, dia sukar melupakan pengalaman menanggung hidup bersama anak dalam kandungan tanpa suami, Zamri Md Isa yang maut ditembak polis.

Menurutnya, selama lebih tiga



Antara mangsa serangan Memali.

dekad, tiada sebarang bantuan disalurkan kerajaan.

"Kerajaan bayar insuransnya kepada semua yang kehilangan suami sebanyak RM20,000. Tiada

pai masuk dalam rumah. Makcik yang tak tahu apa nasib suami di luar pengsan sebab terhidu asap," katanya.

Siti Mariam juga mengaku,

3/1/17
m/s 2-3



Solehah dan Zaman Mahmud (dua, kanan) menunjukkan kelongsong peluru gas pemedih mata.

pampasan dibayar.

“Selama tiada suami, orang kampunglah yang banyak bantu bagi makanan dan sebagainya. Kalau sekarang baru nak bagi, makcik tak mau.

“Kenapa baru nak bagi sekarang? Kenapa tak bagi waktu anak dalam perut lagi?,” katanya.

Mengimbu kenangan pahitnya, Siti Mariam berkata, ketika kejadian, dia berada di rumah dan mendengar bunyi tembakan dari lokasi kejadian.

“Waktu itu saya mengandung, bunyi tembakan sangat jelas sebab rumah ni dengan rumah Ustaz Ibrahim tak jauh.

“Asap pemedih mata pun sam-

masih menyimpan perasaan marah terhadap pihak yang menembak suaminya serta penduduk.

“Jika nak marah, rasa marah ni dekat orang yang tembak suami makcik. Kenapa tiba-tiba datang tembak penduduk termasuk ustaz yang hanya mengajar kitab?,” katanya.

Seorang lagi isteri mangsa serangan Memali, Rokiah Md Hasan, 56, berkata, seperti balu lain, dia juga merasa Mahathir sukar dimaafkan melainkan bekas perdana menteri itu tampil memohon maaf kepada semua mangsa di Memali.

“Perasaan marah terhadapnya masih belum hilang. Dia perlu mohon maaf kepada semua mangsa. Mereka yang lain, yang terlibat pun perlu mohon maaf,” katanya.

Menurutnya, pengalaman lampau itu kembali menghantuinya selepas peristiwa Memali kembali dibangkitkan.

“Saya ada darah tinggi dan masalah jantung. Bila isu ni dimainkan, memang beri kesan kepada kesihatan saya,” katanya.

Rokiah berkata, ratusan penduduk termasuk dia dan anak berusia setahun ditahan polis sejourus selepas kejadian.

“Saya hanya tahu arwah suami, Mohd Radzki Zakaria terbunuh selepas dibebaskan. Selepas kejadian, saya dan anak berusia setahun dimasukkan dalam penjara.

“Kami ditahan kerana dituduh menjadi pengikut Ustaz Ibrahim Libya,” katanya.

EK ELEH

Tragedi memali yang berlaku 32 tahun lalu **TIBA-TIBA DIUNGKIT KEMBALI!**

Sedangkan **PARUT TERASA BISA**, inikan pula ditoreh luka!



EK ELEH/SINARI HARIAN



Jelapang padi dalam kawasan rumah Ibrahim yang diambil dari jauh. Kesan tembakan di papan jelapang padi itu masih ada hingga ke hari ini.

• PENGARAH URUSAN KUMPULAN/CEO/PENERBIT: DATO' (DR) HUSSAMUDDIN HJ YAACUB • KETUA PEGAWAI OPERASI KUMPULAN: SYAMIL FAHIM MOHD FAHIM • KETUA PEGAWAI KEWANGAN: AKMAL EIRFAN MOHD FAUZI
• PENASIHAT EKSEKUTIF EDITORIAL: DATUK ABD JALIL ALI • KETUA PENGARANG KUMPULAN: NORDEN MOHAMED • PENGARANG BERITA: AZMI TARMIZI
• TIMBALAN PENGARANG BERITA: FARUSH KHAN • PENOLONG PENGARANG BERITA: NAJWA GHAZALI • PENGURUS KANAN, PENGEDARAN DAN JUALAN: MOHD ZAKARIA GHAZALI
EDITOR EDISI NASIONAL: KHAIRUL AMRI YASIN • EDISI SELANGOR/KL: MOHD HANAFIAH HASHIM • EDISI KELANTAN: WAN SURYANA TON MOHAMAD • EDISI PAHANG: ZAILA ALI • EDISI TERENGGANU: ZULKHAIRIL ZAINUDDIN
• EDISI UTARA: BADRULDIN ZAKARIA • EDISI PERAK: WAN NOR ROSIDA HAMAD • EDISI JOHOR: AZWANI GHANI • EDISI MELAKA/NS: AHMAD SYAHRUL DERAUH • PENGARAH SENI: ZAINUDIN HARON

• Diterbitkan oleh Sinar Karangkraf Sdn Bhd, No.3, Jln Renggam 15/5, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03-51013888 Faks: 03-51013601 • Dicitak oleh Ultimate Print Sdn.Bhd. , Lot 2, Jln Sepana 15/3, Off Persiaran Selangor, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03-51017388 Faks: 03-51017333 • Tel: 03-51017480 (Unit Langgan Karangkraf Mall) • E-mel: editorsh@sinarharian.com.my



Papan tanda rumah Ibrahim dipasang di tepi jalan utama.

Tidak perlu RCI, Memali kembali aman

Anak mangsa tragedi, Mohd Nor Manas, 60, berkata, tiada keperluan suruhanjaya siasatan diraja (RCI) dibuat memandangkan peristiwa telah lama berlaku.

Menurut Mohd Nor, bapanya, Manas Wadin maut akibat cedera ditembak pasukan keselamatan.

"Ayah saya, antara 14 terkorban. Waktu tu saya di Sabah bertugas sebagai askar. Waktu kejadian, saya tak tahu ayah terbunuh, hanya tahu selepas dimaklumkan pegawai.

"Semua pihak tak payah buka



MOHD NOR

mudiannya menyembunyikan diri di Kampung Kerawai Sik, tanpa diketahui sesiapa.

"Selepas cubaan tangkap Ustaz Ibrahim gagal, arwah bersembunyi di Kampung Kerawai Sik selama lebih kurang sebulan, tapi tiada siapa pun tahu hal tersebut.

"Keadaan makin tidak reda, dengan ketiadaan Ustaz Ibrahim, ramai penduduk dipanggil pihak polis untuk disoal siasat," katanya.

Muhamad yang pernah ditahan ISA berkata, penduduk akhirnya mengadakan mesyuarat dan bersetuju untuk pulang dan bersama-sama Ibrahim.

"Saya yang ketua mesyuarat tu, hasil maklumat keluarganya, saya berjumpa Ustaz Ibrahim untuk membawanya pulang.

"Kami juga memuktamadkan untuk meletakkan sekurang-kurangnya 20 orang bagi mengawal Ustaz Ibrahim di rumahnya," ujarnya.

Katanya, kepulangan Ibrahim di Memali menghidupkan semula kuliah-kuliah pengajian di kampung berkenaan.

"Tuduhan penduduk dan Ustaz Ibrahim dipengaruhi Amanat Hadi tidak benar. Sebelum risalah itu keluar, Ustaz Ibrahim dah menentang ISA," katanya.

Menurutnya, keputusan kem-

lesen dan *road tax*," ujarnya.

Katanya, hasil perbincangan, penduduk dibawa menghadiri ceramah menggunakan van miliknya.

"Van tersebut dipandu sahabat lain. Saya tidak bersama kerana ada di lokasi program, tapi dalam perjalanan mereka ditahan dan polis menemui sebilah pisau serta parang.

"Pisau dan parang tu sebenarnya digunakan penduduk lain bagi mendapatkan umbut pisang untuk memasak gulai bagi program di sebelah petang, tapi lupa dibawa turun," katanya.

Menurutnya, berita penahanan itu sampai kepadanya dan penduduk lain yang berada di tapak program menyebabkan keadaan bertukar kecoh.

"Kebetulan pula sebuah kereta polis membawa Ketua Polis Baling lalu di hadapan kawasan program. Kereta tersebut ditahan dan dikerumuni kira-kira 200 hingga 300 penduduk.

"Ketua polis bersama dua anggota lain diarahkan keluar. Ada penduduk yang marah meletakkan parang di leher ketua polis," katanya.

Menurutnya, keadaan dapat dikawal setelah penduduk dapat ditenangkannya dan hasil rundingan, ketua polis bersetuju memulangkan

bimbang dirinya ditahan mengambil tindakan menahan lima anggota polis sedang bertugas ketika itu.

"Kesemua disembunyikan dalam rumah tanpa diapa-apakan. Saya sendiri tak tahu polis ditahan sebab penduduk bimbang keselamatan saya dan yang lain.

"Isu tersebut dapat diselesaikan, tetapi kerana insiden itu juga desakan dibuat pimpinan Umno untuk ambil tindakan," katanya.

Beliau turut menafikan dakwaan, Ibrahim menggunakan perisai manusia terutama wanita dan kanak-kanak untuk menahan polis ketika peristiwa Memali berlaku.

Menurutnya, kebanyakan wanita mahu bertemu suami dan anak mereka yang berada di rumah Ibrahim, tetapi dihalang sekatan jalan.

"Sebenarnya pada hari kejadian, jalan banyak jalan ditutup. Rumah Ustaz Ibrahim pula telah dikepung. Bila golongan wanita berhimpun di tepi jalan, seolah-olah kelihatan seperti perisai.

"Ramai suami dan anak lelaki berada di rumah Ustaz Ibrahim hari kejadian kerana ikuti pengajian. Hati ibu mana tak bimbang dengan keselamatan ahli keluarga mereka?," katanya.

Menurutnya, dakwaan penduduk terlebih dahulu membunuh

balik isu ini. Peristiwa tu dah lama sangat berlaku. Saya sebagai anak jika terkenangkan ayah, memang mengalir air mata," katanya.

Menurutnya, dia bimbang sekiranya permusuhan berlaku antara ahli Pas dan Umno di kawasan tercetis, andainya RCI dijalankan.

"Bertahun-tahun saya tunggu saat indah ini. Jika dahulu, ahli Pas dan Umno bermasam muka dan tak ambil peduli satu sama lain, tapi 10 tahun kebelakangan ini kami semua dah hidup aman.

"Cukup-cukuplah! Saya minta semua pihak jaga sensitiviti kami terutama waris mangsa. Saya cukup bimbang permusuhan lama kembali berdarah," katanya.

Sorotan kisah

Sementara itu, bekas Setiausaha Pas Kedah 2006-2011, Datuk Muhamad Yusof Husain mengakui, menjadi individu bertanggungjawab mengetuai mesyuarat yang memutuskan keputusan sehidup semati bersama Ibrahim.

Menurutnya, sebelum peristiwa tercetis, suasana ketika itu tegang angkara dasar pilih kasih pemerintah kepada Pas.

Katanya, pengundi Pas di kebanyakan tempat tidak disediakan kemudahan asas dan situasi itu juga berlaku di Memali.

"Banyak kemudahan asas tidak disediakan kerajaan dengan baik kepada pengundi Pas zaman itu. Contohnya, tiada tar di kawasan penduduk yang menyokong Pas.

"Bantuan lain pun banyak dipinggirkan kerajaan. Di Memali khususnya, bantuan pendidikan tidak diberi kepada anak-anak orang Pas. Apa pun tak boleh zaman tu," katanya.

Beliau berkata, hubungan penyokong Pas dengan ahli Umno juga keruh apabila kerajaan tidak membenarkan ceramah Pas diadakan secara terbuka.

"Politik sekitar 1984 hingga 1985 cukup tegang. Ceramah Pas hanya boleh diadakan di markas.

"Permit tidak diberi, sedangkan BN menggunakan televisyen, surat-khabar dan radio untuk kempen politik mereka. Pegawai kerajaan yang didapati menyokong Pas diambil tindakan serta-merta.

"Suasana ketika itu menimbulkan kebencian kepada orang-orang Umno. Ia sememangnya memberi kesan besar kepada orang Pas," katanya.

Menurutnya, kemuncak kepada kemarahan penyokong Pas apabila pendakwah, Ibrahim Libya cuba ditahan di bawah ISA pada 2 September 1984.

Katanya, Allahyarham yang juga pernah berkhidmat sebagai Pegawai Kanan di Pusat Islam Jabatan Perdana Menteri dikehendaki kerana menentang ISA.

"Arwah cuba ditahan polis jam 3 pagi dan cubaan itu digagalkan penduduk kampung. Malam itu, tangkapan pimpinan Pas juga dibuat di beberapa negeri lain," katanya.

Menurutnya, Ibrahim ke-

rajaan untuk dibebaskan penduduk ditahan.

"Dalam masa sama, semua yang ditahan dalam sekatan itu dibebaskan dan van juga diserahkan, tetapi pisau dan parang masih berada di kawasan sekatan jalan raya.

"Saya bersama empat hingga lima penduduk termasuk ketua polis pergi semula ke kawasan sekatan untuk ambil balik parang dan pisau," ujarnya.

Katanya, penduduk lain yang

semula van dan dibebaskan penduduk ditahan.

"Dalam masa sama, semua yang ditahan dalam sekatan itu dibebaskan dan van juga diserahkan, tetapi pisau dan parang masih berada di kawasan sekatan jalan raya.

"Saya bersama empat hingga lima penduduk termasuk ketua polis pergi semula ke kawasan sekatan untuk ambil balik parang dan pisau," ujarnya.

Katanya, penduduk lain yang

empat anggota polis tidak benar.

"Selepas mengepung polis melepaskan gas pemedih mata dan kelongsongnya terkena kepala budak berusia 12 tahun hingga dia pengsan. Ramai beranggapan dia sudah meninggal dunia.

"Salah seorang penduduk yang tidak dapat kawal kemarahan meluru keluar untuk menyerang polis dengan parang, dia akhirnya ditembak. Dakwaan polis mati dahulu tidak tepat," katanya.



Anggota keselamatan berkawal di sekitar Memali.